

30/10/2003

Rakyat harus bersyukur tiada sekatan beribadat

KUALA LUMPUR: Rakyat pelbagai agama di negara ini harus bersyukur kerana dapat menjalankan ibadat agama masing-masing tanpa sebarang sekatan, kata

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, keselesaan itu dinikmati penganut agama Islam yang dapat

menjalankan amal ibadat tanpa gangguan mana-mana pihak.

Selain fardu ain, katanya, penganut agama Islam juga dapat melaksanakan

fardu kifayah demi pembangunan negara.

"Ini dapat dilaksanakan dengan pelbagai cara melalui kemudahan yang diberi kerajaan. Tiada gangguan, tiada ketakutan untuk rasa lapar, tiada ketakutan mengenai keselamatan," katanya pada majlis sumbangan hari raya dan berbuka puasa anjuran Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan di pekarangan Masjid Negara di sini, petang semalam.

Hadir sama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beberapa menteri Kabinet.

Abdullah berkata, untuk mencapai taraf negara maju, negara memerlukan rakyat yang bukan saja menumpukan kepada amal ibadat tetapi berbuat kebajikan kepada masyarakat, khususnya golongan kurang upaya.

Katanya, rakyat negara ini bernasib baik kerana masih ramai golongan yang berniaga dan mempunyai pendapatan lebih baik yang bersedia mengeluarkan bantuan selain memberi zakat dan fitrah.

"Kita dikehendaki berbuat baik, guna nikmat yang ada pada kita dan rezeki yang dilimpahkan kepada kita untuk buat kebajikan kepada orang lain," katanya,

Sehubungan itu, beliau berkata, Umno juga tidak lupa akan tanggungjawab

membantu golongan yang memerlukan, terutama menjelang sambutan Aidilfitri.

Beliau berkata, menjadi kelaziman Umno di seluruh negara menjalankan pelbagai kegiatan amal, terutama sepanjang Ramadan.

Abdullah turut menyuarakan rasa gembira dengan Umno yang memberi bantuan

kepada golongan kurang upaya supaya mereka sama-sama dapat menjalani ibadat puasa dan menyambut hari raya.

Sementara itu, seramai 1,600 golongan kurang bernasib baik termasuk pertubuhan bukan kerajaan menerima sumbangan daripada Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, berbentuk wang tunai RM100 seorang, sekampit beras, kuih-muih dan ubat-ubatan.